

# Lembah Bujang dinaik taraf

Oleh SHARIZA ABDULLAH

**ALOR STAR** 19 Julai – Lembah Bujang di Merbok, dekat sini yang terkenal sebagai kawasan peninggalan sejarah akan dinaik taraf dan dimajukan menjadi sebuah destinasi pelancongan popular di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, pelaksanaan pelan induk Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang akan dilancarkan pada 30 Julai ini mampu membantu mempopularkan kawasan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan Kedah, Datuk Othman Aziz berkata, kira-kira RM15 juta diperlukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk membangunkan kawasan tersebut termasuk di Sungai Merbok menjadi destinasi pelancongan terkemuka dunia.

Beliau memberitahu, rancangan untuk membangunkan kawasan itu sebagai destinasi pelancongan terkemuka dunia diilhamkan kerana ia mempunyai banyak kesan artifak yang menarik dan berpotensi menarik kehadiran pelancong.

Lembah Bujang, juga katanya, dilihat amat berpotensi dimajukan kerana kawasan sekitarnya mempunyai keindahan alam semula jadi yang unik seperti Sungai Merbok, hutan bakau, pantai, pulau-pulau, lereng Gunung Jerai serta kampung-kampung tradisi.

"Kawasan Lembah Bujang sememangnya

kaya dengan khazanah sejarah sebagai pusat ketamadunan manusia sejak kurun ke-5.

"Kawasan berkenaan amat berpotensi sebagai produk ekopelancongan dunia kerana ia bukan sahaja mempunyai nilai sejarah tetapi turut memiliki ciri-ciri yang diperlukan bagi menarik kedatangan pelancongan iaitu alam semula jadi dan kemudahan moden," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurut Othman, beberapa projek pembangunan bagi menarik perhatian pengunjung telah mula dilaksanakan di situ termasuk mewujudkan Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang menyimpan artifik-artifik yang ditemui di sekitar kawasan berkenaan.

Dengan pelaksanaan NCER katanya, projek-projek pembangunan dan menaik taraf industri pelancongan di situ akan terus dirancak dan dilonjakkan bagi memastikan kawasan tersebut muncul sebagai sebuah destinasi pelancongan bertaraf dunia.

"Ia sekali gus merupakan usaha untuk menambah jumlah kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke situ selain meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan sekitarnya," katanya.

Lembah Bujang terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai merupakan tapak peninggalan sejarah kurun ke-4 hingga 14 Masihi.

Hasil penyelidikan dan ekskavasi yang dijalankan didapati kawasan tersebut juga merupakan sebuah pelabuhan utama di Asia Tenggara kurun ke-5 hingga 13 Masihi.

Himpunan khazanah sejarah silam terdapat di Kampung Candi, Pengkalan Bujang, Kampung Sungai Mas dan Kota Kuala Muda yang berselerak di kawasan Lembah Bujang.

Ini terbukti dan disokong oleh penemuan barang-barang sejarah seperti candi, cepu emas, inskripsi, seramik, tembikar dan pelbagai jenis artifak lain di sekitar kawasan tersebut.

Othman berkata, kerajaan negeri dengan bantuan beberapa pihak termasuk pakar-pakar sedang berusaha mengumpul fakta-fakta bagi membuktikan bahawa Lembah Bujang merupakan lokasi paling awal bertapaknya Islam di negara ini.

Katanya, jika fakta-fakta itu berjaya dikumpul dan dibuktikan, kawasan tersebut akan diiktiraf menjadi kawasan bersejarah dan seterusnya merubah sejarah negara.

Ia juga katanya, akan menambah kejayaan kepada usaha untuk memajukan Lembah Bujang dan kawasan sekitarnya sebagai destinasi tumpuan pelancong.

Dalam pada itu, Othman berkata, usaha-usaha yang dijalankan bagi merancakkan industri pelancongan di negeri ini memerlukan kerjasama dan sokongan daripada penduduk setempat.

Katanya, rakyat perlu terlibat secara langsung dalam industri tersebut dengan menjadikannya sebagai satu tanggungjawab terutama dalam menjaga aset-aset pelancongan termasuk keindahan alam semula jadi.